

5

Prestasi Kewangan Sektor Awam

Prestasi 1998

Tinjauan Keseluruhan

Semasa Belanjawan 1998 dibentangkan pada bulan Oktober tahun lepas, dasar fiskal berhemah dan cermat diteruskan bertujuan untuk mengurangkan defisit dalam akaun imbalan pembayaran. Justeru itu, Kerajaan telah mengetatkan operasi belanjawan dalam suku pertama 1998 dengan mengurangkan belanjawan iaitu pemotongan menyeluruh sebanyak 10% dan sebanyak 8% secara terpilih bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi mengekalkan belanjawan lebihan. Walau bagaimanapun, pada suku kedua 1998, penguncupan aktiviti ekonomi dalam negeri memerlukan Kerajaan mengambil langkah 'counter-cyclical' bagi menggerakkan semula ekonomi melalui rangsangan pakej fiskal.

Sementara Kerajaan Persekutuan menjalankan program pembesaran, komponen-komponen sektor awam yang lain iaitu kerajaan negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK), mengkaji semula operasinya disebabkan keupayaan hasil yang merosot akibat kelembapan ekonomi. Dari segi pembangunan pula, peningkatan dalam perbelanjaan terutamanya untuk tujuan pembangunan, sementara peningkatan dalam perbelanjaan mengurus terutamanya untuk emolument dan bayaran balik cukai. Akibat dari rangsangan fiskal, Kerajaan Persekutuan telah kembali kepada belanjawan defisit selepas 5 tahun dalam lebihan belanjawan lebihan. Kesannya, Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit keseluruhan sebanyak RM9,587 juta atau 3.7% daripada KNK.

Hasil sektor kerajaan yang disatukan dalam tahun 1998 dianggarkan merosot sebanyak 13.6%

kepada RM70,299 juta (1997: RM81,360 juta) terutamanya adalah berpunca daripada kutipan hasil Kerajaan Persekutuan yang rendah. Walau bagaimanapun, perbelanjaan mengurus sektor kerajaan yang disatukan mencatatkan peningkatan sebanyak 4.8% kepada RM54,497 juta (1997: RM51,983 juta). Akibatnya, akaun semasa sektor

Jadual 5.1

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan (RM juta)

	1997 ¹	1998 ²	1999 ³
Akaun semasa:			
Sektor kerajaan:			
Hasil	81,360	70,299	61,845
Perbelanjaan mengurus	51,983	54,497	54,596
Baki akaun semasa	29,377	15,802	7,250
Lebihan semasa PABK ⁴	25,713	26,094	27,250
Lebihan semasa sektor awam	55,090	41,896	34,500
Akaun pembangunan:			
Perbelanjaan pembangunan	39,860	44,694	41,042
Sektor kerajaan	19,092	22,238	20,659
PABK	20,768	22,456	20,383
Baki keseluruhan	15,230	(2,798)	(6,543)
% kepada KNK	5.8	-1.1	-2.5

Nota: ¹ anggaran sebenar

² anggaran disemak

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 1999

⁴ tidak termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan

kerajaan mencatatkan lebihan yang rendah sedikit iaitu RM15,802 juta (1997: RM29,377 juta). Dengan lebihan semasa bagi PABK yang berjumlah sebanyak RM26,094 juta (1997: RM25,713 juta), akaun semasa sektor kerajaan yang disatukan menunjukkan lebihan yang rendah iaitu sebanyak RM41,896 juta atau 16.0% daripada KNK (1997: RM55,090 juta atau 21.0% daripada KNK).

Jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam dianggarkan meningkat sebanyak 12.1% kepada RM44,694 juta dalam tahun 1998 (1997: RM39,860 juta), terutamanya disebabkan oleh kenaikan yang tinggi dalam perbelanjaan pembangunan sektor kerajaan. Sebaliknya, bagi PABK ianya dianggarkan meningkat sebanyak 8.1%. Oleh yang demikian, kedudukan sektor awam diramal akan mencatatkan defisit sebanyak RM2,798 juta atau 1.1% daripada KNK dalam tahun 1998 berbanding dengan lebihan sebanyak RM15,230 juta atau 5.8% daripada KNK dalam tahun 1997.

Kerajaan Persekutuan

Prestasi keseluruhan ekonomi yang buruk telah memberi kesan kepada hasil Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1998. Jumlah kutipan hasil adalah dianggarkan menurun sebanyak 16.3% kepada RM55,054 juta atau 17.5% rendah daripada anggaran Belanjawan sebanyak RM66,752 juta. Kemerosotan ini adalah lebih dalam kutipan hasil cukai. Sebaliknya, perbelanjaan mengurus adalah dijangkakan meningkat sedikit sebanyak 4.2% kepada RM46,563 juta atau 8.9% lebih tinggi daripada anggaran Belanjawan sebanyak RM42,766 juta, terutamanya adalah kerana peningkatan dalam emolumen dan bayaran balik cukai. Akaun semasa Kerajaan Persekutuan akan terus mencatatkan lebihan yang rendah iaitu sebanyak RM8,491 juta atau 3.2% daripada KNK (1997: RM21,071 juta atau 8.1% daripada KNK).

Berikutan dengan langkah 'counter-cyclical' yang diambil oleh kerajaan untuk merangsang aktiviti ekonomi, perbelanjaan pembangunan kasar dinaikkan semula sebanyak 7.7% kepada RM19,378 juta dalam tahun 1998 berbanding dengan anggaran belanjawan sebanyak RM17,991 juta, atau peningkatan sebanyak 23% daripada perbelanjaan tahun 1997. Selepas mengambil kira terimaan balik pinjaman sebanyak RM1,300 juta, perbelanjaan pembangunan bersih adalah


Jadual 5.2
Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 1997-1999
(RM Juta)

	1997	1998 ¹	1999 ²
Hasil	65,736	55,054	47,160
Perbelanjaan mengurus	44,665	46,563	47,042
Baki semasa	21,071	8,491	118
Perbelanjaan Pembangunan kasar	15,750	19,378	17,553
Terimaan balik pinjaman	1,305	1,300	1,300
Perbelanjaan Pembangunan bersih	14,445	18,078	16,253
Baki Keseluruhan	6,626	(9,587)	(16,135)

¹ anggaran disemak

² anggaran belanjawan

Carta 5.1
Kewangan Kerajaan Persekutuan - Akaun Semasa




sebanyak RM18,078 juta. Penurunan dalam hasil ditambah pula peningkatan dalam perbelanjaan telah menyebabkan kedudukan keseluruhan Kerajaan Persekutuan mencatatkan defisit sebanyak RM9,587 juta atau 3.7% daripada KNK berbanding dengan lebih sebanyak RM6,626 juta (2.5% daripada KNK) pada tahun 1997.

Hasil

Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan dijangka menurun sebanyak 16.3% kepada RM55,054 juta atau 17.5% kurang daripada anggaran Belanjawan iaitu sebanyak RM66,752 juta. Penurunan ini disebabkan oleh kutipan cukai langsung dan juga cukai tidak langsung, terutamanya cukai korporat dan duti setem, serta cukai ke atas perdagangan antarabangsa, keluaran dalam negeri dan jualan yang dijangka merosot sebanyak 19.5% kepada RM43,170 juta (1997: RM53,628 juta).

Kutipan hasil daripada **cukai langsung** yang merangkumi 50.6% daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan dijangka menurun sebanyak 8.4% kepada RM27,863 juta dalam tahun 1998. Kutipan daripada semua punca cukai langsung dijangka menurun kecuali cukai ke atas petroleum yang ini dijangka meningkat sedikit sebanyak 4.3% kepada RM4,028 juta, berikutan keuntungan

Carta 5.2
Peratusan Defisit / Lebihan Keseluruhan
Kepada Keluaran Negara Kasar



Jadual 5.3

Hasil Kerajaan Persekutuan 1997-1999

	1997 ¹		1998 ²		1999 ³	
	RM Juta	% Perubahan	RM Juta	% Perubahan	RM Juta	% Perubahan
Jumlah hasil	65,736	12.8	55,054	-16.3	47,160	-14.3
Jumlah hasil cukai	53,628	13.5	43,170	-19.5	36,318	-15.9
Cukai langsung	30,433	17.7	27,863	-8.4	20,099	-27.9
Cukai tidak langsung	23,195	8.3	15,307	-34.0	16,219	6.0
Jumlah hasil bukan cukai	12,108	10.0	11,884	-1.9	10,842	-8.8

Nota: ¹ sebenar

² anggaran disemak

³ anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 1999

tukaran matawang asing akibat kemerosotan nilai ringgit. Cukai pendapatan korporat dan individu masing-masing dijangka merosot sebanyak 4.1% kepada RM15,997 juta dan 5.4% kepada RM6,082 juta. Kutipan hasil duti setem dianggarkan berkurangan dengan ketara sebanyak 57.5% disebabkan oleh prestasi pasaran saham yang malap dan pasaran hartanah yang lembap.

Penurunan kutipan **cukai tidak langsung** adalah lebih nyata iaitu hampir RM8 billion atau kurang 34% daripada kutipan tahun 1997. Justeru itu sumbangannya terhadap jumlah hasil merosot dari 35.3% dalam tahun 1997 kepada 27.8% dalam tahun 1998. Daripada jumlah kutipan cukai tidak langsung duti import, duti eksais dan cukai jualan masih lagi penyumbang utama merangkumi 71.7% daripada jumlah cukai. Duti import dijangka menurun sebanyak 38.1% dan duti eksais adalah dijangka menurun sebanyak 48.1% akibat daripada kejatuhan dalam permintaan dalam negeri. Permintaan dalam negeri yang lembap terutamanya perbelanjaan penggunaan juga memberi kesan negatif ke atas kutipan cukai jualan, di mana

kutipan cukai jualan menurun sebanyak 38.6%. Duti eksport ke atas petroleum dijangka menurun sebanyak 40.7% akibat daripada penurunan harga petroleum daripada USD21.02 setong dalam tahun 1997 kepada USD14.80 setong dalam tahun 1998. Eksport petroleum merangkumi 92.8% daripada duti eksport. Oleh yang demikian, duti eksport secara keseluruhannya dijangka menurun sebanyak 37.8% kepada RM655 juta. Sebaliknya, kutipan daripada cukai perkhidmatan dianggarkan hanya menurun sedikit iaitu 1.4%.

Hasil bukan cukai terutamanya terdiri daripada lesen dan permit dan juga dividen petronas adalah dijangka berkurangan sebanyak 0.3% kepada RM11,391 juta. Penurunan yang sedikit ini, terutamanya adalah kerana kenaikan dalam dividen Petronas. Terimaan daripada lesen dan permit dijangka menurun sebanyak 11.3% manakala royalti petroleum dijangka merosot sebanyak 1.3%. Terimaan dividen dan faedah dijangka mencatat pertumbuhan yang negatif sebanyak 16.2% disebabkan pulangan pelaburan yang rendah akibat prestasi perniagaan yang tidak

Jadual 5.4
Cukai Langsung Kerajaan Persekutuan


	1997 ¹		1998 ²		1999 ³	
	RM juta	% Perubahan	RM juta	% Perubahan	RM juta	% Perubahan
Cukai Pendapatan	27,122	19.7	26,236	-3.3	17,992	-31.4
Syarikat	16,688	17.8	15,997	-4.1	10,359	-35.2
Individu	6,429	4.2	6,082	-5.4	4,798	-21.1
Petroleum	3,862	75.3	4,028	4.3	2,746	-31.8
Koperasi	143	0.1	129	-9.8	89	-31.0
Lain-lain	3,311	0.04	1,627	-50.9	2,107	29.5
Duti Setem	2,714	0.2	1,153	-57.5	1,628	41.2
Lain-lain	597	23.9	474	-20.6	479	1.1
JUMLAH	30,433	17.7	27,863	-8.4	20,099	-27.9

Nota: ¹ Sebenar

² anggaran disemak

³ anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 1999

Carta 5.3
Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan



memberangsangkan. Sebaliknya, bayaran dividen daripada petronas dijangka meningkat sebanyak 32.3% kepada RM4,100 juta (1997: RM3,100 juta).

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus dalam tahun 1998 dijangka meningkat sebanyak 4.2% kepada RM46,563 juta atau RM3,797 juta (8.9%) lebih tinggi daripada anggaran Belanjawan 1998. Peningkatan dalam perbelanjaan mengurus, sebahagiannya adalah kerana kenaikan dalam emolumen dan bayaran balik cukai.

Perbelanjaan untuk **emolumen**, yang merangkumi 30.6% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dijangka meningkat sedikit sebanyak 8.3% kepada RM14,276 juta (1997: RM13,181 juta) terutamanya disebabkan bayaran bonus 1997 berjumlah RM425 juta dalam tahun 1998.

Perbelanjaan untuk **tuntutan bayaran balik** adalah dijangka meningkat sebanyak 64.5% kepada RM3,242 juta terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam tuntutan bayaran balik cukai. Bayaran khidmat hutang diramalkan meningkat sebanyak 1.5% kepada RM6,531 juta. Bayaran khidmat hutang luar meningkat sebanyak

Jadual 5.5

Cukai Tidak Langsung Kerajaan Persekutuan 1997-1999

	1997 ¹		1998 ²		1999 ³	
	(RM juta)	(% Perubahan)	(RM juta)	(%Perubahan)	(RM juta)	(%Perubahan)
Duti eksport	1,053	1.2	655	-37.8	640	-2.3
Duti import	6,525	6.4	4,041	-38.1	4,152	2.8
Duti eksais	6,054	4.6	3,143	-48.1	3,617	15.1
Cukai jualan	6,167	12.8	3,789	-38.6	4,094	8.1
Cukai Perkhidmatan	1,475	19.8	1,455	-1.4	1,470	1.0
Lain-lain	1,922	9.2	2,224	15.7	2,246	1.0
JUMLAH	23,195	8.3	15,307	-34.0	16,219	6.0

Nota: ¹ sebenar

² anggaran disemak


³ anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 1999

35.5% disebabkan oleh penurunan nilai ringgit. Bayaran khidmat hutang dalam negeri, sebaliknya dijangka menurun sebanyak 2.1% terutamanya disebabkan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Bil Perbendaharaan (TBs) telah matang dalam tahun 1998 masing-masing berjumlah RM6,200 juta dan RM750 juta. Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri yang merangkumi 3.4% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dijangka meningkat sebanyak 3.3% kepada RM1,592 juta berikutan daripada kenaikan dalam pemberian mengikut kepala dan penyelenggaraan jalan raya. Sebaliknya, pencen dan ganjaran dijangka merosot sebanyak 0.5% kepada RM3,621 juta berbanding dengan RM3,635 juta pada 1997, disebabkan keputusan Kerajaan Persekutuan untuk membayar hanya 10% daripada jumlah ganjaran untuk mereka

Jadual 5.6
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek (RM juta)

	1998 Anggaran Disemak	% Sumbangan	1999 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Emolumen	14,276	30.6	13,971	29.7
Bayaran khidmat hutang	6,531	14.0	9,033	19.2
Pemberian dan serahan kepada Kerajaan Negeri	1,592	3.4	1,729	3.7
Pencen dan ganjaran	3,621	7.8	3,873	8.2
Bekalan dan perkhidmatan	4,739	10.2	6,189	13.2
Subsidi	1,138	2.4	1,260	2.7
Pemberian kepada badan-badan berkanun	3,097	6.7	3,280	7.0
Tuntutan bayaran balik	3,242	7.0	1,718	3.6
Lain-lain	8,327	17.9	5,989	12.7
JUMLAH	46,563	100.0	47,042	100.0

Carta 5.4
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



yang membuat pilihan bersara awal dan bakinya akan dibayar pada umur 55 tahun. Bekalan dan perkhidmatan juga dijangka merosot sebanyak 25.5% kepada RM4,739 juta.

Peruntukan untuk subsidi dijangka meningkat sebanyak 18.8% kepada RM1,138 juta. Pemberian kepada badan-badan berkanun dijangka merosot sebanyak 13.5% kepada RM3,097 juta. Lain-lain perbelanjaan termasuk pembelian aset, biasiswa, dan geran kepada sekolah-sekolah dijangka meningkat sebanyak 18.8% kepada RM8,327 juta berbanding dengan RM7,008 juta pada tahun 1997.

Dari segi pecahan mengikut sektor pula, perbelanjaan ke atas sektor **keselamatan** dijangka merosot sebanyak 19.9% kepada RM5,292 juta (1997: RM6,607 juta). Sektor kecil pertahanan dijangka mencatatkan penurunan yang besar sebanyak 24.6% kepada RM3,064 juta, memandangkan beberapa perbelanjaan pertahanan dijangka akan ditangguhkan, sementara sektor kecil keselamatan dalam negeri juga menunjukkan penurunan sebanyak 12.4% kepada RM2,228 juta.

Sektor **perkhidmatan sosial** yang merangkumi 29.7% daripada jumlah perbelanjaan mengurus juga dijangka merosot sebanyak 8.2% kepada RM13,817 juta (1997: RM15,051 juta). Semua sektor kecil di dalam perkhidmatan sosial dijangka merosot dalam tahun 1998. Sektor kecil pendidikan yang merangkumi 20.3% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dijangka merosot sebanyak 8.7% kepada RM9,462 juta, khususnya untuk emolumen, pembelian bekalan dan perkhidmatan, dan juga geran untuk sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi. Sektor kecil perumahan dijangka merosot sebanyak 25.6% kepada RM90 juta terutamanya untuk pengurusan perumahan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan disamping untuk pengurusan pinjaman perumahan Perbendaharaan. Sektor kecil kesihatan juga dijangka merosot sebanyak 5.5% kepada RM3,097 juta. Sebahagian besar perbelanjaan ini adalah untuk emolumen pegawai-pegawai perubatan yang sedia ada dan juga jawatan baru, paramedik dan kakitangan sokongan yang lain, serta pembelian ubatan. Lain-lain perkhidmatan sosial dianggarkan merosot sebanyak 9.6% kepada RM1,168 juta.

Perbelanjaan untuk **perkhidmatan ekonomi** juga dijangka merosot sebanyak 16% kepada RM3,466 juta berbanding dengan RM4,125 juta dalam tahun 1997. Sektor kecil pengangkutan dijangka mencatat penurunan dua angka sebanyak 23.7% kepada RM1,052 juta (1997: RM1,378 juta), sebahagian besarnya adalah kerana penangguhan beberapa projek infrastruktur. Sektor kecil pertanian termasuk pembangunan luar bandar juga dijangka merosot sebanyak 18.6% kepada RM1,058 juta (1997: RM1,300 juta) berikutan penutupan dan penyusunan semula beberapa badan berkanun di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sektor kecil perdagangan dan perindustrian dijangka menurun sebanyak 6.8% dalam tahun 1998 kepada RM1,190 juta (1997: RM1,277 juta).

Jadual 5.7
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan
Persekutuan Mengikut Sektor
(RM juta)

	1998 Anggaran Disemak	% Sumbangan	1999 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Keselamatan	5,292	11.4	5,924	12.6
Pertahanan	3,064	6.6	3,524	7.5
Keselamatan dalam negeri	2,228	4.8	2,400	5.1
Perkhidmatan sosial	13,817	29.7	16,383	34.8
Pendidikan	9,462	20.3	11,208	23.8
Kesihatan	3,097	6.7	3,627	7.7
Perumahan	90	0.2	87	0.2
Lain-lain	1,168	2.5	1,461	3.1
Perkhidmatan ekonomi	3,466	7.4	4,077	8.7
Pertanian	1,058	2.3	1,164	2.5
Kemudahan awam	104	0.2	25	0.1
Perdagangan dan perindustrian	1,190	2.6	1,606	3.4
Pengangkutan	1,052	2.3	1,213	2.6
Perhubungan	32	0.1	38	0.1
Lain-lain	30	0.1	31	0.1
Pentadbiran am	7,459	16.0	5,199	11.1
Lain-lain	16,529	35.5	15,459	32.9
JUMLAH	46,563	100.0	47,042	100.0

Sektor **pentadbiran am** yang merangkumi 16% daripada jumlah perbelanjaan mengurus juga dijangka meningkat sebanyak 25.8% kepada RM7,459 juta berbanding dengan RM5,927 juta dalam tahun 1997. Ini termasuk perbelanjaan untuk pembiayaan jabatan dan bayaran balik cukai. Sebaliknya **perbelanjaan-perbelanjaan lain** yang terdiri daripada bayaran balik hutang, khidmat hutang, pencen dan ganjaran, geran untuk kerajaan negeri dan badan berkanun dijangka mencatat kenaikan sebanyak 27.6% kepada RM15,259 juta dalam tahun 1998.

Perbelanjaan Pembangunan

Jumlah perbelanjaan pembangunan pada tahun 1998 dijangka meningkat sebanyak 23% kepada RM19,378 juta atau 7.7% lebih tinggi daripada anggaran Belanjawan sebanyak RM17,991 juta. Sebahagian besar daripada kenaikan ini, sebanyak RM1,500 juta adalah untuk memenuhi keperluan pembiayaan awal Pengurusan Danaharta Bhd, iaitu satu syarikat yang ditubuhkan untuk membeli pinjaman tidak berbayar sektor perbankan. Selebihnya RM1,000 juta bagi program kesejahteraan sosial untuk mengurangkan kesan krisis ekonomi ke atas golongan berpendapatan rendah. Di samping itu, RM653.4 juta adalah untuk

Jadual 5.9

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Program Perdagangan dan Perindustrian (RM juta)

	1998		1999	
	Anggaran disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pembangunan perindustrian	3,368	83.6	672	45.2
Pelancongan	110	2.7	102	6.8
Penyelidikan perindustrian	496	12.3	695	46.7
Lain-lain	55	1.4	19	1.3
JUMLAH	4,029	100.0	1,488	100.0

Cyberview dan selebihnya iaitu RM476 juta untuk program pendidikan serta program pertanian dan pembangunan luar bandar. Dari segi pecahan mengikut sektor pula, perbelanjaan ke atas **perkhidmatan ekonomi** dijangka mencatatkan kenaikan besar sebanyak 40.9% kepada RM10,568 juta (1997: RM7,501 juta) dengan kenaikan paling besar dicatatkan oleh sektor kecil perdagangan dan perindustrian (213.5%) dan sektor kecil pengangkutan (16.7%). Perbelanjaan untuk kemudahan awam yang terdiri daripada peruntukan untuk bekalan air dan bekalan elektrik dijangka merosot sebanyak 27.9% kepada RM1,079 juta, sebaliknya perbelanjaan untuk sektor kecil pertanian dan pembangunan luar bandar meningkat sebanyak 13.9% kepada RM1,259 juta.

Sektor kecil perdagangan dan industri, merangkumi 20.8% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat sebanyak 213.5% kepada RM4,029 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM3,368 juta adalah untuk pembangunan industri terutamanya untuk pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) berjumlah RM1,187 juta. Penyelidikan dan pembangunan serta teknologi maklumat diperuntukkan sejumlah RM496 juta.



Sektor kecil pengangkutan yang merangkumi 21.6% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan dijangka membelanjakan sebanyak RM4,177 juta di mana sebahagian besar (78.2% atau RM3,265

Jadual 5.8

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Perkhidmatan Ekonomi (RM juta)

	1998		1999	
	Anggaran disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,259	11.9	1,009	12.8
Kemudahan awam	1,079	10.2	714	9.1
Perdagangan dan perindustrian	4,029	38.1	1,488	18.8
Pengangkutan	4,177	39.5	4,600	58.3
Perhubungan	5	0.1	18	0.2
Lain-lain	19	0.2	61	0.8
JUMLAH	10,568	100.0	7,890	100.0

Carta 5.5
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan Mengikut Sektor



Jadual 5.10

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan Bagi Pertanian dan
Pembangunan Luar Bandar
(RM juta)

	1998		1999	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pertanian	285	22.6	236	23.4
Pembangunan tanah	53	4.2	93	9.2
Pengairan dan saliran	256	20.3	374	37.0
Tanaman semula getah	421	33.4	6	0.6
Perikanan	83	6.6	97	9.6
Ternakan	33	2.6	42	4.2
Perhutanan	25	2.1	31	3.1
Lain-lain	103	8.2	130	12.9
JUMLAH	1,259	100.0	1,009	100.0

juta) adalah untuk jalanraya dan jambatan. Perbelanjaan untuk keretapi berjumlah RM421 juta terutamanya untuk membiayai projek transit-aliran-ringan(LRT), projek landasan berkembar Rawang-Seremban, Projek pembesaran landasan Pulau Indah-Port Klang dan projek pembesaran landasan Terminal Kontena Butterworth Utara. Di samping itu, perbelanjaan untuk meningkatkan dan membangunkan lapangan terbang berjumlah RM388 juta terutamanya untuk peningkatan dan pembangunan lapangan terbang di Tawau, Labuan, Pulau Langkawi dan Kuala Terengganu. Perbelanjaan untuk pelabuhan berjumlah RM103 juta.

Program pertanian dan pembangunan luar bandar, terutamanya untuk tujuan menambahkan pengeluaran makanan dan memperbaiki taraf kehidupan kawasan luar bandar akan terus dititik-beratkan. Sejumlah RM1,259 juta atau 6.5% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan adalah dijangka dibelanjakan dalam tahun 1998 untuk sektor kecil ini. Perbelanjaan untuk tanaman semula getah berjumlah RM421 juta atau 33.4% daripada jumlah perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar. Perbelanjaan untuk

Jadual 5.11

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan Bagi Perkhidmatan Sosial
(RM juta)**

	1998		1999	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pendidikan	2,663	53.3	3,308	55.6
Kesihatan	575	11.5	900	15.1
Perumahan	676	13.5	790	13.3
Lain-lain	1,082	21.7	948	16.0
JUMLAH	4,996	100.0	5,946	100.0

program pertanian bersepadu termasuk pembangunan komoditi, kepelbagaian pertanian, bayaran subsidi dan latihan kepada petani-petani berjumlah RM285 juta atau 22.6% daripada jumlah perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar. Lain-lain perbelanjaan untuk sektor ini termasuk pembangunan tanah, parit dan saliran, industri ternakan, perikanan dan perhutanan di mana kesemuanya merangkumi 44% daripada jumlah perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar.

Perbelanjaan pembangunan untuk sektor **perkhidmatan sosial** dijangka meningkat sebanyak 1.6% kepada RM4,996 juta di mana sektor kecil pendidikan merangkumi 53.3% atau RM2,663 juta daripada jumlah perbelanjaan pembangunan untuk perkhidmatan sosial. Sebahagian besar perbelanjaan ini adalah untuk pendidikan dan kemudahan latihan di bawah pelbagai agensi termasuk Kementerian Pendidikan, MARA dan Kementerian Sumber Manusia. Perbelanjaan untuk sektor kecil perumahan berjumlah RM676 juta terutamanya untuk membiayai pembinaan rumah kediaman untuk pasukan keselamatan, kakitangan polis, guru-guru, kakitangan kastam dan eksais dan juga pembinaan rumah kos rendah. Perbelanjaan untuk sektor kecil kesihatan merangkumi 11.5% atau RM575 juta, di mana 28.0% lebih tinggi daripada perbelanjaan 1997 yang berjumlah RM449 juta. Kenaikan ini terutamanya untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan termasuk pembinaan dan peningkatan pusat kesihatan, klinik dan hospital luar bandar.

Sebaliknya, perbelanjaan untuk sektor **keselamatan** yang terdiri daripada sektor kecil pertahanan dan keselamatan dalam negeri dijangka meningkat sebanyak 10.6% kepada RM2,559 juta untuk memenuhi keperluan penggantian peralatan dan pemodenan pasukan keselamatan. Pentadbiran am dijangka meningkat sebanyak 23.7% kepada RM1,255 juta.


Pembiayaan

Untuk membiayai defisit, pinjaman Kerajaan Persekutuan adalah dijangka lebih besar dalam tahun 1998. Kerajaan akan banyak bergantung kepada sumber dalam negeri yang tidak membawa kesan inflasi dan pada masa yang sama akan memastikan sektor swasta tidak akan mengalami kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan daripada dana pelaburan.

Pinjaman kasar dalam negeri meningkat dalam tahun 1998 sebanyak RM17,050 juta terutamanya melalui pengeluaran Sekuriti Kerajaan Malaysia

Carta 5.6

**Bayaran Pokok, Penebusan dan Bayaran Faedah
Ke Atas Hutang Kerajaan Persekutuan**



(SKM) secara penempatan khas swasta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM6,950 juta adalah untuk penebusan semula SKM (RM6,200 juta) dan Sijil Pelaburan (SP) (RM750 juta) yang matang pada tahun ini. Bakinya sejumlah RM6,000 juta pula akan diperolehi melalui penempatan khas swasta dan sebanyak RM4,100 juta lagi akan dikeluarkan secara tender terbuka bagi pedagang utama. Tiada pengeluaran baru bagi Bil Perbendaharaan (TBs) dan SP dijangkakan dalam tahun 1998. Oleh itu, jumlah bersih pinjaman dalam negeri adalah sebanyak RM10,100 juta (1997: -RM2,048 juta).

Selain dari sumber dalam negeri Kerajaan juga memperolehi pinjaman tambahan daripada sumber luar negeri. Sehingga kini, kira-kira RM1,200 juta telah diperolehi daripada Bank Dunia, manakala RM500 juta akan diperolehi daripada pinjaman projek sedia ada. Selepas mengambil kira bayaran balik pinjaman, pinjaman bersih luar negeri dalam tahun 1998 dianggarkan mencatat pengaliran keluar sebanyak RM467 juta (1997: -RM1,681 juta).

Kerajaan Negeri

Kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dalam tahun 1998 dijangka kekal teguh dengan baki keseluruhan terus dianggarkan mencatat lebihan. Kutipan hasil dianggarkan merosot sebanyak 4.5% daripada RM9,799 juta dalam tahun 1997 kepada RM9,356 juta dalam tahun 1998. Sebaliknya, jumlah perbelanjaan mengurus dianggarkan merosot sebanyak 4.3% kepada RM4,606 juta dalam tahun 1998. Akibatnya, lebihan akaun semasa kerajaan negeri dianggarkan merosot sebanyak 4.7% kepada RM4,750 juta berbanding dengan RM4,986 juta dalam tahun 1997. Perbelanjaan kasar pembangunan dianggarkan merosot sebanyak 9.4% dalam tahun 1998 kepada RM4,858 juta. Selepas mengambil kira terimaan balik pinjaman sebanyak RM415 juta, kedudukan kewangan kerajaan negeri disatukan dianggarkan mencatat lebihan sebanyak RM307 juta atau 0.1% daripada KNK (1997: RM105 juta atau 0.04% daripada KNK).

Hasil kerajaan negeri dalam tahun 1998 dianggarkan merosot sebanyak 4.5% kepada RM9,356 juta berbanding dengan peningkatan sebanyak 2.9% dalam tahun 1997. Daripada jumlah ini, hasil kerajaan negeri daripada **sumber sendiri** yang merangkumi 82.4% daripada jumlah hasil

Jadual 5.12

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan (RM juta)

	1997 ¹	% Perubahan	1998 ²	% Perubahan
Akaun Semasa				
Hasil	9,799	2.9	9,356	-4.5
Perbelanjaan mengurus	4,813	-4.0	4,606	-4.3
Baki akaun semasa	4,986	10.5	4,750	-4.7
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	5,364	30.3	4,858	-9.4
Kumpulan wang pembangunan	4,772	33.9	4,116	-13.7
Kumpulan wang bekalan air	592	6.9	742	25.3
Terimaan balik pinjaman	483	-9.4	415	-14.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	4,881	36.2	4,443	-9.0
Baki keseluruhan	105		307	
¹ Anggaran sebenar.				
² Anggaran.				

kerajaan negeri, dianggarkan merosot sebanyak 6.2% kepada RM7,708 juta (1997: RM8,221 juta). Penurunan ini adalah ketara bagi hasil bukan cukai yang terdiri daripada lesen, permit, royalti, bayaran perkhidmatan, jualan barang-barang, sewaan atas harta kerajaan, pulangan atas pelaburan, denda dan hukuman yang dianggarkan merosot sebanyak 8.7% kepada RM5,482 juta (1997: RM6,002 juta). Jumlah ini merupakan 71.1% daripada jumlah hasil sumber sendiri kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, jumlah kutipan hasil cukai yang merangkumi 22.2% daripada jumlah hasil sumber sendiri kerajaan negeri dianggarkan meningkat sebanyak 6.5% kepada RM1,711 juta (1997: RM1,607 juta). Daripada jumlah ini, cukai langsung yang terdiri daripada cukai ke atas tanah,

perlombongan, perhutanan, parit dan saliran dianggarkan meningkat 3.9% kepada RM1,037 juta dan cukai tidak langsung yang merangkumi cukai hiburan dan lain-lain cukai tidak langsung dianggarkan meningkat sebanyak 10.7% kepada RM674 juta.

Dalam tahun 1998 kerajaan negeri juga dianggarkan akan menerima **geran** daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,592 juta, serta **bayaran ganti** yang berjumlah RM56 juta. Geran ini terdiri daripada geran perlembagaan dan pentadbiran yang mana geran perlembagaan merupakan 61.8% daripada jumlah keseluruhan geran. Geran perlembagaan yang terdiri daripada geran penyelenggaraan jalan, geran megikut kiraan kepala dan geran pertambahan hasil dianggarkan meningkat sebanyak 3.3% kepada RM1,592 juta (1997: RM1,541 juta). Pertambahan geran yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah disebabkan pertambahan dalam geran mengikut kiraan kepala dan geran penyelenggaraan jalan raya. Bayaran ganti daripada Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat dengan meningkatnya perlaksanaan projek-projek parit dan saliran serta pertanian di beberapa negeri.

Hasil berasaskan sumber iaitu hasil petroleum dan hasil berasaskan perhutanan dianggarkan merosot sebanyak 0.9%. Walau bagaimanapun, ianya masih kekal sebagai sumber yang terbesar kepada hasil kerajaan negeri daripada sumber sendiri yang berjumlah RM2,573 juta atau 33.4%. Daripada jumlah ini, hasil berasaskan perhutanan yang merangkumi 22.1% daripada jumlah hasil sumber sendiri dianggarkan bertambah baik sebanyak 5.2% kepada RM1,701 juta (1997: RM1,617 juta) dengan Sabah dianggarkan mengutip sebanyak RM560 juta dan Sarawak mengutip sebanyak RM980 juta. Terimaan royalti petroleum untuk tiga negeri yang mempunyai sumber petroleum iaitu Sabah, Sarawak dan Terengganu, dianggarkan merosot sebanyak 10.9% kepada RM872 juta disebabkan jangkaan harga minyak mentah yang rendah. Bagi Sabah, terimaan daripada royalti petroleum dianggarkan merosot sebanyak 4.8% kepada RM75.7 juta manakala bagi Sarawak pula dianggarkan merosot sebanyak 11.2% kepada RM342 juta. Bagi Terengganu, sumbangan daripada royalti petroleum dianggarkan merosot sebanyak 11.9% kepada RM453.9 juta. Walau bagaimanapun dari segi sumbangan terhadap jumlah hasil sumber sendiri kerajaan Terengganu adalah masih ketara kerana ianya merangkumi 65.4%.

Hasil berasaskan bukan sumber yang terdiri daripada jualan barang-barang dan perkhidmatan, faedah daripada pelaburan, lesen dan permit, denda dan hukuman serta sewaan dianggarkan merosot 14.2% kepada RM2,993 juta dalam tahun 1998, disebabkan pulangan yang rendah atas pelaburan serta terimaan dan kutipan yang rendah daripada jualan barang-barang dan sewaan aset.

Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri dianggarkan meningkat sebanyak 4.3% kepada RM4,606 juta. Perbelanjaan emolumen yang meliputi 31.7% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dianggarkan meningkat dalam tahun 1998 sebanyak 1.5% kepada RM1,460 juta (1997: RM1,438 juta). Peningkatan ini adalah disebabkan bayaran bonus 1997 yang dijelaskan dalam tahun 1998. Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan dianggarkan merosot sebanyak 15.0% kepada RM1,479 juta, merangkumi 32.1% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Pembelian harta modal dianggarkan meningkat sebanyak 12.5% kepada RM168 juta dalam tahun 1998. Ini selaras dengan usaha kerajaan negeri untuk mengamalkan dasar berjimat cermat dalam perbelanjaan dalam keadaan ekonomi yang lembab. **Perbelanjaan kasar pembangunan** kerajaan negeri dalam tahun 1998 dianggarkan merosot sebanyak 9.4% kepada RM4,858 juta (1997: RM5,365 juta), memandangkan kerajaan negeri menyusun semula kedudukan kewangannya disebabkan keupayaan hasil yang merosot akibat kelembapan ekonomi. Daripada jumlah ini, perbelanjaan bagi pertanian serta perdagangan dan perindustrian masing-masing merosot sebanyak 38.8% kepada RM805 juta dan 35.3 % kepada RM443 juta. Perbelanjaan bagi kemudahan awam dan pengangkutan masing-masing merosot sebanyak 3.3% kepada RM491 juta dan 13.4% kepada RM458 juta. Perbelanjaan bagi perumahan awam berjumlah sebanyak RM270 juta, selaras dengan dasar kerajaan negeri untuk menyediakan rumah-rumah yang mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah. Perbelanjaan bagi bekalan air berjumlah RM742 juta, meningkat sebanyak 25.3% yang sebahagian besarnya untuk meningkatkan taraf perkhidmatan bekalan air. Selepas mengambil kira terimaan balik pinjaman yang berjumlah RM415 juta, perbelanjaan bersih pembangunan dianggarkan meningkat sebanyak 9.0% kepada RM4,443 juta. (1997: RM4,881 juta).

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Pada tahun 1998, prestasi keseluruhan bagi 28 Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dijangka kekal kukuh dengan hasil berjumlah RM71,084 juta (1997: RM69,270 juta). Walau bagaimanapun kadar peningkatan hasil adalah rendah iaitu 2.6% dalam tahun 1998 berbanding dengan peningkatan sebanyak 20.7% dalam tahun 1997. Seperti di tahun-tahun lepas, hanya beberapa PABK yang mencatatkan peningkatan dalam prestasi hasil seperti PETRONAS, MISC dan TNB. Walau bagaimanapun, berikutan daripada peningkatan yang kukuh dalam perbelanjaan modal terutamanya oleh PETRONAS dan MISC bagi membiayai peningkatan keupayaan, lebih keseluruhan PABK dijangka menurun pada RM4,138 juta dalam tahun 1998 berbanding dengan RM5,317 juta dalam tahun 1997.

Perbelanjaan mengurus PABK dijangka meningkat kepada RM44,490 juta dalam tahun 1998 (1997: RM43,185 juta) iaitu peningkatan sebanyak 3.0% berbanding dengan peningkatan sebanyak 16.6% dalam tahun 1997. Perbelanjaan mengurus bagi beberapa PABK utama dijangka meningkat sebanyak 3.7% dalam tahun 1998 disebabkan oleh kos yang tinggi untuk pembelian minyak, arang batu dan komponen-komponen import serta khidmat hutang. Walau bagaimanapun, lebih akaun semasa PABK dijangka kekal pada kadar yang tinggi iaitu sebanyak RM26,594 juta pada tahun 1998 berbanding RM26,085 juta pada tahun 1997. Lebih ini dijangka disumbangkan oleh PABK utama seperti PETRONAS, MISC dan STMB.

Perbelanjaan pembangunan keseluruhan PABK dijangka meningkat sebanyak 8.1% dalam tahun 1998 kepada RM22,456 juta (1997: RM20,768 juta). Ini terutamanya disebabkan peningkatan perbelanjaan pembangunan oleh PETRONAS dan MISC. PETRONAS akan terus mengembangkan pelaburan modal bagi aktiviti hulu dan hiliran dalam tahun 1998. Sebahagian besar pelaburan ini adalah usaha sama aktiviti hiliran gas dan minyak oleh PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. Selain daripada itu, PETRONAS juga telah memutuskan untuk membeli syarikat minyak milik Afrika Selatan iaitu, Engen Ltd. pada 17 September 1998. Dari segi pelaburan dalam negeri, projek yang dirancang untuk pelaksanaan termasuk projek utiliti pusat di Kertih/Kuantan, Institut Teknologi PETRONAS

Jadual 5.13

**Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹
1997-1998
(RM juta)**

	1997	% Perubahan	1998	% Perubahan
Hasil	69,270	20.7	71,084	2.6
Perbelanjaan semasa	43,185	16.6	44,490	3.0
Lebih semasa (% KNK)	26,085		26,594	
	10.0		10.1	
Perbelanjaan pembangunan	20,768	33.8	22,456	8.1
Baki keseluruhan	5,317		4,138	
(% KNK)	2.0		1.6	

¹ Merujuk kepada 28 PABK dari senarai asal 56 PABK. Baki 28 lagi PABK telah jual kepada sektor swasta

di Tronoh dan kilang baja PETRONAS di Gurun Kedah. Bagi MISC pula, perbelanjaan modal adalah lebih tertumpu kepada program pengembangan perkapalan untuk jangka masa panjang iaitu melalui pemilikan syarikat-syarikat perkapalan seperti PETRONAS tanker, PNSL dan Pasific Basin. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh ketidakpastian ekonomi, kebanyakan PABK dijangka mengurangkan atau menangguhkan perbelanjaan modal mereka. Tenaga Nasional Berhad dan Sistem Telekom Malaysia Berhad sebagai contohnya dijangka menangguhkan perbelanjaan pembangunan ke atas projek-projek yang kurang keutamaan.


Hutang Negara

Hutang negara dijangka merosot dalam tahun 1998, kesan dari keuntungan yang diperolehi daripada kadar pertukaran yang rendah terhadap dolar AS yang dikekalkan pada tahap RM1 = AS\$0.2632 semenjak bulan September 1998 berbanding dengan RM1 = AS\$0.2571 pada hujung tahun 1997. Pada masa yang sama, pinjaman bersih luar negeri diramalkan mencatat pengaliran keluar bersih sebanyak RM3,158 juta. Justeru itu, hutang negara (tidak termasuk hutang jangka pendek) dianggarkan merosot sebanyak 0.8% kepada RM124,729 juta atau 47.6% daripada KNK (1997: RM125,673 juta atau 48.1% daripada KNK).

Hutang luar Kerajaan Persekutuan yang merangkumi hanya 9.6% daripada hutang negara dianggarkan berkurangan sebanyak 7.9% kepada RM11,934 juta. Hutang luar PABK dianggarkan meningkat sedikit sebanyak 0.5% kepada RM52,724 juta (1997: RM52,467 juta). Walau bagaimanapun bayaran balik hutang oleh PABK dalam tahun 1998 dijangka lebih tinggi berbanding dengan 1997. Kesannya, hutang luar sektor awam yang merangkumi 51.8% daripada hutang negara dijangka merosot sebanyak 1.2% kepada RM64,658 juta (1997: RM65,418 juta).

Hutang sektor swasta yang merangkumi sebanyak 48.2% daripada hutang negara dianggarkan berkurangan sebanyak 0.3% kepada RM60,071 juta pada tahun 1998 (1997: RM60,254 juta) oleh kerana pinjaman luar negeri yang rendah oleh sektor swasta.

Bayaran khidmat hutang negara dianggarkan meningkat sebanyak 56.6% kepada RM23,884 juta (1997: RM15,250 juta) terutamanya disebabkan bayaran balik pokok yang tinggi oleh sektor swasta dan PABK dalam tahun 1998. Daripada jumlah ini sebanyak RM17,227 juta atau 72.1% adalah untuk bayaran balik pokok dan selebihnya



Jadual 5.14

Hutang Negara

	1997 ¹			1998 ²		
	RM Juta	% Perubahan	Sumbangan	RM Juta	% Perubahan	Sumbangan
Sektor awam	65,419	64.8	52.1	64,658	-1.2	51.8
Kerajaan Persekutuan	12,952	23.7	10.3	11,934	-7.9	9.5
PABK	52,467	79.4	41.8	52,724	0.5	42.3
Dijamin	7,049	7.7	5.6	8,254	17.1	6.6
Tidak dijamin	45,418	100.2	36.1	44,470	-2.1	35.7
Sektor swasta	60,254	18.0	47.9	60,071	-0.3	48.2
JUMLAH	125,673	71.7	100.0	124,729	0.8	100.0


¹ anggaran sebenar

² anggaran

berjumlah RM6,657 juta atau 27.9% adalah untuk bayaran faedah. Bayaran faedah dijangka lebih tinggi pada tahun 1998 berikutan hutang sedia ada yang besar pada tahun 1997. Disamping itu, bayaran balik juga dijangka lebih besar disebabkan lebih banyak pinjaman akan matang pada 1998. Kesannya, nisbah khidmat hutang negara dianggarkan meningkat kepada 7.2% berbanding dengan 5.1% dalam tahun 1997.

Hutang Kerajaan Persekutuan

Hutang Kerajaan Persekutuan dianggarkan meningkat sebanyak 9.4% kepada RM98,412 juta atau 37.5% daripada KNK dalam tahun 1998 berbanding dengan RM89,920 juta atau 34.4% daripada KNK dalam tahun 1997. Daripada jumlah ini, sebanyak 87.9% adalah hutang dalam negeri dan bakinya 12.1% adalah hutang luar negeri. Kenaikan besar hutang Kerajaan Persekutuan adalah disebabkan pinjaman yang besar terutamanya daripada sumber dalam negeri untuk membiayai rangsangan pakej fiskal.




Jadual 5.15				
Hutang Kerajaan Persekutuan (RM juta)				
Profil hutang	1997	% Sumbangan	1998	% Sumbangan
Hutang Dalam Negeri	76,968	100.0	86,478	100.0
Bil Perbendaharaan	4,320	5.6	4,320	5.0
Sijil Pelaburan	2,750	3.6	2,750	3.2
Sekuriti Kerajaan	66,262	86.1	76,362	88.3
2 - 3 tahun	1,000			
4 - 5 tahun	5,600			
6 - 10 tahun	12,486			
11 - 15 tahun	12,585			
16 - 21 tahun	34,591			
Pinjaman lain ¹	3,636	4.7	3,046	3.5
Hutang Luar Negeri	12,952	100.0	11,934	100.0
Pinjaman pasaran	6,473	50.0	4,867	40.8
Pinjaman projek	6,479	50.0	7,067	59.2
Kredit pembekal	-			
JUMLAH	89,920		98,412	

¹ Terutamanya pinjaman yang dibuat oleh Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan.

Kesan daripada keperluan pinjaman yang besar ini, jumlah hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan dianggarkan meningkat sebanyak 12.4% kepada RM86,478 juta atau 33% daripada KNK, merangkumi 87.9% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1998. Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Bil Perbendaharaan (TB) masih kekal sebagai komponen utama hutang dalam negeri, masing-masing merangkumi sebanyak 88.3% (RM72,262 juta) dan 5% (RM4,320 juta) daripada jumlah hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan. Selebihnya 6.7% (RM5,796 juta) terdiri daripada Sijil Pelaburan dan tabung pinjaman perumahan Perbendaharaan.


Carta 5.9
Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan
Mengikut Mata Wang



Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan dianggarkan merosot sebanyak 7.9% kepada RM11,934 juta atau 4.6% daripada KNK (1997: RM12,952 juta atau 5% daripada KNK). Daripada jumlah ini, pinjaman pasaran merangkumi sebanyak 40.8% (RM4,867 juta) dan selebihnya 59.2% (RM7,067 juta) adalah pinjaman projek. Dari segi komposisi matawang, hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan dalam dolar AS masih merangkumi yang terbesar, terdiri sebanyak 69% atau RM8,234 juta. Hutang dalam matawang Yen merangkumi kira-kira 21% atau RM2,506 juta daripada hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan. Selebihnya, hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan adalah dalam matawang lain termasuk Swiss franc, deutschemark dan pound sterling.

Jumlah khidmat hutang Kerajaan Persekutuan dianggarkan meningkat sebanyak 21.3% kepada RM15,397 juta berbanding dengan RM12,697 juta dalam tahun 1997. Daripada jumlah ini, bayaran balik pokok bagi hutang dalam negeri berjumlah RM6,950 juta dan bayaran balik pokok hutang

Carta 5.10
Nisbah Khidmat Hutang Luar Negeri



luar negeri berjumlah RM2,152 juta. Bayaran faedah pula berjumlah RM6,531 juta, di mana RM5,667 juta adalah untuk hutang dalam negeri dan selebihnya RM864 juta untuk hutang luar negeri. Berikutan daripada kenaikan yang besar dalam khidmat hutang luar, nisbah khidmat hutang Kerajaan Persekutuan adalah dianggarkan meningkat daripada 0.7% dalam tahun 1997 kepada 0.9% dalam tahun 1998.

Tinjauan Tahun 1999

Tinjauan Keseluruhan

Kedudukan kewangan sektor awam dalam tahun 1999 dijangka masih lemah dengan Kerajaan Persekutuan meneruskan dorongan pakej fiskal untuk menerajui pemulihan ekonomi. Kutipan hasil yang disatukan bagi sektor kerajaan dijangka merosot sebanyak 12.0% kepada RM61,845 juta (1998: RM70,299 juta). Penurunan yang terbesar

adalah pada hasil Kerajaan Persekutuan kerana kesan kemelesetan ekonomi dijangka dirasakan sepenuhnya. Jumlah perbelanjaan mengurus sektor kerajaan akan mencatatkan kenaikan kecil sebanyak 0.2% kepada RM54,596 juta (1998: RM54,497 juta) disebabkan Kerajaan Persekutuan dan badan-badan berkanun meneruskan kawalan yang ketat dalam perbelanjaan mengurus. Kesannya, akaun semasa sektor kerajaan akan mencatatkan lebihan yang rendah sebanyak RM7,250 juta berbanding dengan RM15,802 juta pada tahun 1998. Lebihan akaun semasa PABK dijangka meningkat sebanyak 4.4% kepada RM27,250 juta (1998: RM26,094 juta). Dengan yang demikian, akaun semasa yang disatukan bagi sektor awam pada tahun 1999 akan merosot kepada RM34,500 juta atau sebanyak 13.1% daripada KNK (1998: RM41,896 juta atau 16% daripada KNK). Perbelanjaan pembangunan sektor awam dijangka merosot sebanyak 8.2% kepada RM41,042 juta dalam tahun 1999 (1998: RM44,694 juta) disebabkan kejatuhan dalam perbelanjaan pembangunan sektor kerajaan dan juga PABK. Oleh yang demikian, sektor awam akan mencatat defisit yang besar sebanyak RM6,543 juta atau 2.5% daripada KNK (1998: -RM2,798 juta atau 1.1% daripada KNK).

Kerajaan Persekutuan

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 1999 akan menerima kesan daripada kelembapan ekonomi. Kutipan hasil dalam tahun 1999 diramalkan merosot sebanyak 14.3% kepada RM47,160 juta, dengan kutipan cukai langsung diramalkan merosot sebanyak 27.9% kepada RM20,099 juta berikutan daripada prestasi syarikat dan pendapatan individu yang terjejas. Sebaliknya, kutipan cukai tidak langsung dijangka meningkat sebanyak 6.0% kepada RM16,219 juta.

Perbelanjaan mengurus akan meningkat sebanyak 1.0% kepada RM47,042 juta. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan peningkatan peruntukan bayaran khidmat hutang serta bekalan dan perkhidmatan. Kesannya, akaun semasa Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat lebihan yang kecil sebanyak RM118 juta. Perbelanjaan pembangunan kasar dijangka merosot sebanyak 9.4% kepada RM17,553 juta. Sebahagian besar daripada peruntukan disalurkan kepada sektor ekonomi, yang merangkumi 44.9% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan

yang mencerminkan usaha kerajaan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi. Untuk mencapai tujuan ini, keutamaan projek-projek pembangunan dalam tahun 1999 diberi kepada projek-projek yang dapat meningkatkan pengeluaran dan kecekapan ekonomi, mewujudkan permintaan untuk barangan tempatan dan projek untuk kesejahteraan sosial. Selepas mengambil kira terimaan balik pinjaman yang dijangka sebanyak RM1,300 juta, perbelanjaan pembangunan bersih diramalkan merosot sebanyak 10.1% kepada RM16,253 juta. Kesannya, kedudukan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit yang besar sebanyak RM16,135 juta atau 6.1% daripada KNK.

Hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka terus menurun pada tahun 1999 sebanyak 14.3% kepada RM 47,160 juta atau 17.9% daripada KNK. Cukai langsung yang menyumbangkan lebih daripada 40% daripada jumlah hasil dijangka merosot sebanyak 27.9% kepada RM20,099 juta. Penurunan ini sebahagian besarnya kerana kutipan cukai pendapatan yang dijangka merosot sebanyak 31.4% kepada RM17,992 juta. Hasil daripada cukai pendapatan ke atas individu dijangka berjumlah RM4,798 juta, penurunan sebanyak 21.1%. Di samping itu, cukai pendapatan korporat diramalkan mengalami penurunan sebanyak 35.2% kepada RM10,359 juta. Hasil cukai pendapatan petroleum dijangka merosot sebanyak 31.8% kepada RM2,746 juta, disebabkan harga petroleum yang rendah. Sebaliknya, kutipan duti setem diramalkan mencatat peningkatan positif sebanyak 41.2% kepada RM1,628 juta.

Cukai tidak langsung dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan aktiviti ekonomi, selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara yang berubah daripada negatif 4.8% dalam tahun 1998 kepada 1% dalam tahun 1999. Oleh yang demikian, kutipan cukai tak langsung dijangka meningkat sebanyak 6% kepada RM16,219 juta. Walau bagaimanapun duti eksport akan mengalami penurunan, sebanyak 2.3% kepada RM640 juta. Penurunan dalam duti eksport adalah disebabkan kejatuhan eksport minyak kelapa sawit dan harga petroleum yang terus rendah. Kutipan duti import akan meningkat sedikit sebanyak 2.8% kepada RM4,152 juta, akibat daripada jangkaan peningkatan import ke atas barang-barang

penggunaan dan pelaburan. Penerimaan daripada sumber bercukai dalam negeri seperti duti eksais, cukai jualan dan cukai perkhidmatan dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 9.5% kepada RM9,181 juta, seiring dengan permintaan dalam negeri yang tinggi.

Hasil bukan cukai yang merangkumi 21.9% daripada jumlah hasil dijangka menunjukkan pertumbuhan negatif sebanyak 9.2% kepada RM10,345 juta, sebahagian besarnya disebabkan dividen petronas yang rendah sebanyak RM3,100 juta berbanding dengan RM4,100 juta pada tahun 1998. Kutipan daripada lesen dan permit adalah dijangka kekal pada tahap yang sama, di samping itu terimaan faedah dan pulangan pelaburan akan merosot sebanyak 4.6%. Royalti petroleum dijangka merosot sebanyak 3.2% kepada RM947 juta, di samping itu bayaran perkhidmatan dijangka meningkat sebanyak 1.1% kepada RM362 juta.

Peruntukan Mengurus

Belanjawan mengurus dalam tahun 1999 akan terus dikawal ketat kecuali perbelanjaan perlu seperti bayaran khidmat hutang, memadamkan kerajaan menumpu usahanya terhadap pebelanjaan pembangunan untuk merangsangkan aktiviti ekonomi. Oleh itu, belanjawan mengurus bagi tahun 1999 diramalkan meningkat sedikit sebanyak 1% kepada RM47,042 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan bayaran khidmat hutang yang diramalkan meningkat sebanyak 38.3% kepada RM9,033 juta. Peningkatan ini sebahagian besarnya adalah kerana pinjaman yang besar untuk membiayai rangsangan pakej fiskal. Perbelanjaan untuk emolumen dijangka merosot sebanyak 2.1% kepada RM13,971 juta disebabkan peruntukan yang besar untuk gaji dan upahan dalam tahun 1998 akibat dari peningkatan skim perkhidmatan guru dan kenaikan pangkat mengikut masa.

Bekalan dan perkhidmatan akan meningkat sebanyak 30.6% kepada RM6,189 juta. Pencen dan ganjaran dianggarkan meningkat sebanyak 7.0% kepada RM3,873 juta berbanding dengan RM3,621 juta pada tahun 1998, dan pemberian kepada badan-badan berkanun dijangka meningkat sebanyak 5.9% kepada RM3,280 juta, di mana

emolumen merangkumi 65.2% atau RM2,138 juta.

Dari segi pembahagian mengikut sektor, jumlah perbelanjaan untuk semua sektor dijangka meningkat pada tahun 1999. Perbelanjaan untuk sektor perkhidmatan sosial yang merangkumi 34.8% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dijangka meningkat sebanyak 18.6% kepada RM16,383 juta. Daripada jumlah ini, 68.4% atau RM11,208 juta disalurkan untuk sektor kecil pendidikan, diikuti dengan perkhidmatan kesihatan sebanyak RM3,627 juta. Ini membuktikan bahawa kerajaan mengambil berat terhadap pendidikan dan juga peningkatan kualiti perkhidmatan kesihatan. Perbelanjaan untuk sektor perkhidmatan ekonomi juga dijangka meningkat sebanyak 17.6% kepada RM4,077 juta, merangkumi 8.7% daripada jumlah perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah ini, sektor pengangkutan dan juga sektor perdagangan dan perindustrian menerima peruntukan yang terbesar, iaitu masing-masing meningkat sebanyak 15.3% dan 35.0% kepada RM1,213 juta dan RM1,606 juta. Perbelanjaan untuk sektor keselamatan yang merangkumi 12.6% daripada jumlah perbelanjaan mengurus adalah dijangka meningkat sebanyak 11.9% kepada RM5,924 juta, terutamanya untuk bekalan dan perkhidmatan selaras dengan program pemodenan dalam sektor kecil pertahanan.

Peruntukan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan tahun 1999 akan merosot sebanyak 9.4% kepada RM17,553 juta. Peruntukan untuk sektor perkhidmatan ekonomi, yang merupakan penerima peruntukan terbesar (43.7%) daripada jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dijangka merosot sebanyak 25.3% kepada RM7,890 juta. Daripada jumlah ini, RM1,488 juta atau 18.8% akan disalurkan untuk sektor kecil perdagangan dan perindustrian. Sebaliknya, sektor kecil pengangkutan dijangka meningkat sebanyak 10.1% kepada RM4,600 juta. Daripada jumlah ini, jalan raya dan jambatan dianggarkan menerima RM3,732 juta. Sebanyak RM335 juta lagi akan disalurkan untuk projek transit-aliran-ringan. Selain daripada itu, pelabuhan dan pengangkutan udara masing-masing dijangka menerima peruntukan sebanyak RM180 juta dan RM353 juta. Pertanian dan pembangunan luar bandar dijangka menerima

peruntukan berjumlah RM1,009 juta, merosot sebanyak 19.8% berbanding dengan RM1,259 juta dalam tahun 1998.

Peruntukan untuk sektor perkhidmatan sosial yang merangkumi sebanyak 32.9% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat sebanyak 19.0% kepada RM5,946 juta. Daripada jumlah ini, sektor kecil pendidikan dijangka menerima RM3,308 juta atau 55.6% daripada jumlah peruntukan untuk sektor ini, terutamanya untuk meningkatkan taraf institut latihan industri bagi meningkatkan kualiti tenaga kerja. Perbelanjaan untuk sektor kecil kesihatan

dijangka meningkat sebanyak 56.6% kepada RM900 juta berbanding dengan RM575 juta dalam tahun 1998. Peruntukan untuk perumahan dijangka meningkat sebanyak 16.9% kepada RM790 juta.

Peruntukan untuk sektor keselamatan akan meningkat sebanyak 3.6% kepada RM2,650 juta dengan sektor kecil pertahanan dijangka meningkat sebanyak 5.1% kepada RM2,398 juta, sementara sektor kecil keselamatan dalam negeri merosot sebanyak 9.1% kepada RM252 juta. Peruntukan untuk sektor pentadbiran am diramalkan merosot sebanyak 15.0% kepada RM1,067 juta.